



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### PERKUKUH WADAH PERPADUAN MELALUI KHAZANAH WARISAN NEGARA

---

**PUTRAJAYA**, 9 Julai 2023 – Majlis Pelancaran Ini Warisan Kita telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara yang berlangsung di IOI City Mall, Putrajaya. Program yang bertemakan “Melestarikan Perpaduan” ini sangat bertepatan dengan hasrat kerajaan dalam membangun Malaysia MADANI yang menerapkan elemen hormat-menghormati serta menjadikan warisan sebagai salah platform pengukuhan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Objektif utama penganjuran program Ini Warisan Kita adalah bagi melestarikan perpaduan dengan meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum tentang khazanah warisan negara ini.

Program yang berlangsung selama tiga hari bermula dari 7 hingga 9 Julai 2023 menyasarkan kehadiran orang awam dari pelbagai peringkat umur dan latar belakang untuk mempelajari dan menghayati sendiri kepelbagai warisan yang dibawakan khas kepada setiap pengunjung. Antara pengisian utama program ini adalah:

- i. Pameran Rumah Etnik**
  - a. Etnik seperti Chetti, Baba Nyonya, Mah Meri, Siam dan Portugis akan ditampilkan dengan kepelbagaian aktiviti seperti seni tari, busana, makanan tradisi, dan hasil kraftangan.
- ii. Persembahan Kebudayaan**
  - a. Persembahan kebudayaan yang berunsurkan silang budaya akan turut diketengahkan agar dapat dipertontonkan kepada orang awam dengan lebih dekat lagi.
- iii. Panel “Moment of Unity”**
  - a. Panel panel gambar yang memaparkan detik detik perpaduan yang teretus dalam kalangan masyarakat untuk dihayati oleh setiap pengunjung.

**iv. Pertandingan Mencanting Batik**

- a. Aktiviti yang meningkatkan lagi pengetahuan dan amalan secara praktikal melalui pertandingan mencanting batik.

**v. Pameran Reruai Agensi**

- a. Naskhah-naskhah warisan yang menjadi khazanah berharga negara dipamerkan di reruai Arkib Negara Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia.

Bagi menggalakkan penglibatan lebih banyak pihak khususnya badan bukan kerajaan dan pertubuhan berdaftar lain untuk menyertai program ini, Kementerian turut menawarkan insentif berbentuk geran sehingga RM50,000 tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan. Fokus utama pelaksanaan program di bawah insentif ini adalah meliputi bidang kepelbagaian etnik, bahasa, permainan tradisional, adat resam, makanan serta kesenian dan alat muzik tradisional.

Selain itu, Kementerian turut memperkenalkan beberapa inisiatif lain di bawah Ini Warisan Kita antaranya:

- i. **Hub-warisan** yang menyediakan informasi komprehensif berbentuk penulisan, penerbitan, dan video berkaitan khazanah warisan negara untuk dijadikan “one-stop centre” dan rujukan orang awam;
- ii. **Program Nostalgia Anak Kampung** yang mengembalikan semula sukan tradisional rakyat untuk dijadikan aktiviti masyarakat kini khususnya dalam kalangan anak muda;
- iii. **Program Magis Belantara** yang menelusuri kehidupan dan budaya masyarakat Orang Asli untuk dipelajari oleh masyarakat tempatan; dan
- iv. **Program Bahasa Kolokial** bagi melestarikan keberdayaan bahasa komuniti

Menurut YB Datuk Aaron, inisiatif Ini Warisan Kita adalah salah satu pengisian utama dalam program flagship Kementerian iaitu Kembara Perpaduan Malaysia MADANI. Selain dapat meningkatkan pengalaman “feel good factor”, program seumpama ini berupaya menyuntik semangat cinta kepada tanah air melalui penghayatan terhadap kepelbagaian khazanah yang kita warisi sejak turun temurun lagi.

**Kementerian Perpaduan Negara**

9 Julai 2023

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 (18)